



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**“HACKATHON”
HARI TERBUKA PERKHIDMATAN
DIGITAL SEKTOR AWAM
“TERBUKA, INOVATIF, MENCIPTA”**

9 SEPTEMBER 2015 (RABU)

**TM INNOVATION CENTRE,
LINGKARAN TEKNOKRAT TIMUR,
CYBERJAYA**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
wabarakatuh

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia:
Rakyat Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan dan Salam Sehati Sejiwa

Yang dihormati Saudara dan Saudari
Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Kairul Annuar
Mohamed Zamzam
Naib Presiden Eksekutif (Kerajaan)
Telekom Malaysia Berhad

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin
Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (TPP)
MAMPU

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti
Dzazali

Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
MAMPU

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor
Awam

Pengarah-Pengarah Bahagian
MAMPU

Perunding-Perunding ICT Sektor
Awam

Pegawai-pegawai MAMPU, Peserta-
peserta Hackathon, YBrs. Dr. /Tuan-
tuan dan Puan-puan,

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk menjayakan Hackathon Data Terbuka Sektor Awam. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan

kehadiran semua Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan juga swasta serta individu perseorangan ke **Hackathon Data Terbuka Sektor Awam** yang bertemakan “**Terbuka, Inovatif, Mencipta**”.

MENDEPANI REALITI BAHARU NEGARA

2. Pemilihan tema Hackathon ini adalah bersesuaian dengan perkembangan semasa sistem penyampaian Kerajaan yang merakyatkan perkhidmatan dengan

penggunaan data terbuka dan data raya serta menawarkan produk perkhidmatan yang inovatif menerusi kreativiti ciptaan peserta Hackathon ini.

3. Penganjuran Hackaton ini adalah satu inisiatif yang signifikan dan amat relevan dalam kepesatan dan globalisasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini dan pastinya, ia akan menjadi satu medium yang memperkasakan Transformasi ICT dalam sektor awam. Pada masa kini, di sana sini diperkatakan berkenaan transformasi, dari pemimpin nombor satu Negara sehinggalah

kepada pegawai di peringkat kumpulan pelaksana. Pendek kata ianya begitu sinonim dengan penjawat awam. Namun begitu ia bukan sekadar untuk sebutan tetapi perlu difahami, dihayati dan dilaksanakan barulah ianya membuahkan hasil yang diharapkan.

4. YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MAPPA XIV) pada 17 Jun 2015. Semasa majlis tersebut, YAB Perdana Menteri telah memberi penekanan terhadap produktiviti dan inovasi penjawat awam sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi,

ke arah merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu dengan pendapatan per kapita sebanyak USD15,000 pada tahun 2020.

5. Semestinya penggunaan teknologi terkini merupakan kunci kepada peningkatan sistem penyampaian Kerajaan dan produktiviti anggota perkhidmatan awam. Meneliti pencapaian Negara kita menerusi lensa antarabangsa, kedudukan Malaysia dalam Doing Business Index 2015 yang dikeluarkan oleh The World

Bank berada di tangga ke 18 daripada 189 buah negara. Dari aspek daya saing pula, berdasarkan laporan World Competitiveness Yearbook 2015 yang diterbitkan oleh Institute for Management Development (IMD), pencapaian Malaysia berada di tangga ke 14 bagi tahun 2015 daripada keseluruhan 61 buah negara yang dinilai. Manakala dalam laporan Global Competitiveness Report 2014-2015 oleh World Economic Forum (WEF) pula, Malaysia menduduki anak tangga ke 20 daripada 144 buah negara yang terlibat berbanding anak tangga ke 24 bagi penilaian tahun 2013-2014.

6. Arus transformasi yang sangat rancak dalam dunia digital masa kini semestinya telah mengubah gaya hidup serta pemikiran kita. Perubahan ini melibatkan seluruh dunia yang merentasi pelbagai budaya, bangsa, agama dan negara serta merangkumi pelbagai bidang seperti bidang ekonomi, undang-undang, perubatan, pertanian, agama, politik dan lain-lain lagi. Teknologi digital ini bukan setakat memberi nilai tambah kepada ekonomi tetapi merupakan satu mesin penggerak ekonomi moden ketika ini.

7. Peningkatan kepentingan perniagaan dalam talian juga telah terbukti di Malaysia terutamanya dalam laman web penerbangan tambang murah, penjualan makanan, pakaian, promosi jualan runcit dan lain-lain lagi. Sesetengah usahawan kecil tempatan di luar bandar juga telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan berpuluh kali ganda dengan mengubah cara perniagaan secara konvensional kepada perniagaan dalam talian.

8. Satu kajian oleh McKinsey, “The Internet’s Impact on Aspiring Countries” menunjukkan bahawa

Internet telah menyumbang 4.1% atau sebanyak USD9.75 bilion kepada KDNK Malaysia yang berjumlah USD238 bilion pada 2010. Prestasi ini meletakkan Malaysia di kedudukan 30 teratas dalam kalangan negara yang berkembang pesat di mana Internet berpotensi untuk mentransformasikan pertumbuhan ekonomi.

9. Laporan Ekonomi 2013/2014 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pula menyatakan saiz pasaran urus niaga dalam talian di Malaysia dijangka mencecah RM5 bilion menjelang 2014 berbanding

RM1.8 bilion pada 2010. Pengguna internet juga dijangka mencecah 25 juta orang pada tahun 2015.

**Yang Berbahagia Dato, YBrs. Dr,
Tuan-tuan dan Puan-Puan yang
saya hormati sekalian,**

Hackathon

10. Pada hari ini, tercipta satu lagi hari bersejarah dalam kalendar ICT Perkhidmatan Awam apabila **Hackathon Data Terbuka Sektor Awam** berjaya mendapat sebanyak **52 penyertaan berkumpulan yang terdiri**

daripada 166 orang peserta.

Pertandingan ini memberi peluang kepada peserta menguji bakat dan kreativiti berdasarkan kemampuan masing-masing dari awal sehingga terciptanya satu produk yang inovatif yang tidak terikat kepada sebarang Hak Milik Intelektual. Yang paling ketara adalah peluang bagi melibatkan komuniti dalam membangunkan produk inovatif yang menggunakan Data Terbuka dan Data Raya Sektor Awam.

Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam

11. Hackathon ini juga adalah salah satu program yang dirancang di bawah pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam yang merupakan satu lagi inisiatif ICT ke arah merealisasikan Perkhidmatan Digital Sektor Awam di bawah inisiatif NKEA CCI EPP6 E-Kerajaan. Data Terbuka secara spesifiknya berperanan sebagai penggerak dalam inisiatif Kerajaan Berpaksikan Rakyat. Pelaksanaan data terbuka dapat meningkatkan ketelusan Kerajaan menerusi perkongsian data yang tepat, cepat dan relevan.

12. Di samping itu ia juga dapat meningkatkan produktiviti negara melalui penglibatan secara inovasi terbuka rakyat Malaysia dalam memanfaatkan data terbuka. Pertandingan seperti ini akan memberi ruang kepada Kerajaan untuk mendapatkan produk yang menggunakan data set terbuka yang dapat memberi impak serta keberhasilan ke atas sistem dan saluran penyampaian Perkhidmatan Awam kepada rakyat.

13. Bagi melonjakkan pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam ini dan

selaras dengan amalan baik di peringkat global, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) juga akan menganjurkan Hari Terbuka Perkhidmatan Digital Sektor Awam pada 8 Oktober akan datang. Tema Hari Terbuka tersebut adalah “Internet of Things (IoT) for Smart Service Delivery”.

DATA RAYA SEKTOR AWAM

14. Data Raya pula merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem aplikasi

mudah alih dan data internet. Pelbagai jenis data-data berstruktur dan tidak berstruktur daripada media sosial seperti blog, facebook, twitter telah dapat menyokong pertumbuhan Data Raya yang besar, pelbagai, tidak terbatas dan bernilai sehinggakan kepada terabytes dan petabyte data. Perkembangan fenomena Data Raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang bagi agensi Kerajaan dan swasta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Selari dengan fenomena Data Raya dan hasrat

Kerajaan bagi memacu perkhidmatan ICT, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Projek Rintis Data Raya Sektor Awam (DRSA).

15. Faedah DRSA adalah bagi meningkatkan dan menambah baik landskap persekitaran ICT Sektor Awam dengan memanfaatkan sumber data yang terbaharu agar dapat membantu Kerajaan melaksanakan keputusan dengan lebih berkesan. Di samping itu, inisiatif ini dapat mengurangkan persekitaran silo dan memperkukuhkan jalinan kolaboratif

strategik agensi dalam perkongsian maklumat dan keputusan.

16. Melalui Projek rintis DRSA, satu *Big Data Analytics Solution* dibangunkan untuk kegunaan empat agensi rintis. Juga, Kerajaan akan membangunkan kepakaran pegawai-pegawai Kerajaan dalam bidang penyelidikan data seperti ***data scientists, data miner*** dan ***data modeler***.

Yang Berbahagia Dato, YBrs. Dr, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

TRANSFORMASI KERAJAAN DIGITAL

17. Kerajaan telah menyahut cabaran ke arah mentransformasikan perkhidmatan awam dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek melalui pemanfaatan dan pemantapan ICT yang berperanan sebagai “*strategic enabler*” ke arah perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi rakyat. Kerajaan dalam RMKe-11, di bawah teras strategik yang ke-9: Mentranformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti, telah memberi tumpuan untuk

meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan memastikan penyampaian yang bersepadu dan lancar, meningkatkan kecekapan dan tahap kepuasan pelanggan serta mengurangkan kos.

18. Strategi yang ketiga: Memanfaatkan Data Bagi Meningkatkan *Outcome* dan Mengurangkan Kos, memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif data terbuka di kalangan agensi. MAMPU yang telah diberikan mandat sebagai peneraju inisiatif Data Terbuka Kebangsaan akan bekerjasama

dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) bagi membolehkan penggunaan data Kerajaan secara inovatif.

19. Hackathon yang diadakan pada hari ini adalah sebahagian daripada usaha MAMPU untuk berkongsi maklumat berkenaan persekitaran data terbuka yang membolehkan data sedia ada digunakan untuk proses analisis yang lebih berkesan dan mendapatkan maklum balas daripada orang awam secara interaktif. Strategi ini menggalakkan perkongsian data

merentasi agensi dan memanfaatkan penggunaan analitis data raya.

20. Justeru, peserta Hackathon dikehendaki untuk mencipta produk baharu dari awal serta asli iaitu tidak terikat dengan mana-mana Hak Milik Intelektual menggunakan 363 dataset daripada 17 kementerian dan 10 sektor yang telah disediakan hasil perkongsian data merentasi agensi.

Penutup

21. Ingin diingatkan di sini bahawa Hackathon ini adalah satu program

penciptaan produk secara berkumpulan dan bukan projek individu. Oleh itu, kenal pasti keupayaan setiap individu dalam kumpulan dan bahagikan kerja secara bijak supaya satu produk yang inovatif dapat dihasilkan pada akhir sesi ini nanti. Ingin juga saya tekankan di sini, Hackathon ini bukan sahaja merupakan satu pertandingan yang menawarkan hadiah menarik semamata, malah juga satu platform bagi peserta untuk menguji keupayaan kreativiti dan inovasi dalam diri masing-masing.

22. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dalam **Hackathon Data Terbuka Sektor Awam. Selamat maju jaya dan kekalkan semangat serta usaha gigih menghasilkan produk yang terbaik.**

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmahnirrahim, dengan sukacitanya saya merasmikan **Hackathon Data Terbuka Sektor Awam.**

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wasalam
mualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.